

03 NOV 2003

UPDATE Abdullah-Tahniah/I

BLAIR, VAJPAYEE UCAP TAHNIAH KEPADA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terus menerima ucapan tahniah daripada pemimpin dunia ekoran pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri, yang terbaru daripada Perdana Menteri Britain, Tony Blair.

"Di bawah kepimpinan anda, saya yakin negara kita akan terus membina hubungan kukuh dalam pelbagai bidang, daripada perniagaan hinggalah kepada keselamatan dan pendidikan," katanya.

Dalam kenyataan Suruhanjaya Tinggi British di sini, Blair berkata beliau berharap dapat berjumpa Abdullah pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Abuja, Nigeria.

Dalam perutusannya pula, Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee, berkata beliau yakin Malaysia dan India dapat membina hubungan "yang memandang ke hadapan" di bawah kepimpinan Abdullah.

Di samping mengucapkan tahniah, Vajpayee juga melahirkan harapan agar segala usaha yang dijalankan oleh Abdullah akan mencapai kejayaan.

Katanya India dan Malaysia telah sekian lama menjalin hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa.

"Saya yakin, sepanjang anda memimpin Malaysia, kita dapat membina hubungan untuk faedah semasa dan akan datang berdasarkan asas-asas yang kukuh ini," kata Vajpayee dalam perutusan yang salinannya dihantar melalui faks ke Bernama oleh Pesuruhjaya Tinggi India di sini hari ini.

Abdullah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara di sini Jumaat lepas bagi menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang melepaskan jawatan itu secara sukarela.

-- BERNAMA

AZZ AZZ SP MAI